

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 18.05.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 139

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat mana tindakan Kementerian untuk mempercepatkan menaiktaraf jalan Ulu Skrang kerana sehingga kini jalan tersebut belum lagi dapat dilalui oleh kenderaan disebabkan curam yang masih tinggi serta tebingan jalan sering runtuh akibat tiada sistem perparitan dan jambatan yang sempurna.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak mula dilaksanakan pada Januari 2012 dan telah pun siap sepenuhnya pada April 2015. Pihak JKR Sarawak memaklumkan bahawa jalan tersebut telah boleh dilalui oleh kenderaan ringan bergantung kepada keadaan cuaca.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* 1, Tahun 2016, Kementerian ini telah diluluskan untuk melaksanakan Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak Fasa 2 yang melibatkan pembinaan jambatan-jambatan di sepanjang jajaran sedia ada bagi mengatasi masalah banjir dengan anggaran kos berjumlah **RM28.5 juta**. Pada masa ini projek tersebut sedang dalam peringkat akhir rekabentuk dan dijangka akan ditender dalam bulan Jun 2016.